

dengan cara yang baik – iaitu terangkan kepada umat akan apa yang sebenarnya dan apa jalannya yang benar. Jangan merendahkan diri kita menjawab maki dengan maki kerana cara maki jawab maki itu bukannya itu yang diajarkan oleh Islam – yang ditunjukkan oleh Muḥammad (SAW) di dalam cara menegakkan kalimah Islam terutamanya di dalam menghadapi orang-orang Islam sendiri yang kurang pengertiannya di dalam ajaran-ajaran Islam sama ada ia orang-orang yang disebut berpelajaran ataupun bukan.

Mudah-mudahan peringatan ini diselidiki dan disiasat serta ditenguh oleh pemimpin-pemimpin PAS.

#### Peringatan

Di dalam masa pilihanraya berjalan di Persekutuan yang harus akan bertali-tali beberapa bulan lagi menjelang bulan Ogos 1959 ini pertentangan-pertentangan mulut di antara Perikatan dan PAS semakin galak.

Di dalam pertentangan itu orang-orang yang di luar parti yang lebih banyak jumlahnya ada memerhati dan melihat sahaja. Mereka tidak mau berkata apa-apa jika sekiranya PAS membidas Perikatan dan Perikatan membidas PAS kalau perkara-perkara itu tidak melanggar asas-asas hukum atau cita-cita perjuangan Islam.

Di dalam masa itu pemimpin-pemimpin PAS dengan lantang menggunakan ayat-ayat al-Quran untuk membidas orang lain – dengan cara-cara dan kata-kata yang menyakiti orang-orang yang tidak gemar ayat-ayat Tuhan itu digunakan kerana memunafik atau mengkafir ataupun lain-lainnya sebab yang demikian dipandang mereka bukan sebagai satu ajaran daripada agamanya.

Ucapan-ucapan yang bersemangat tetapi membidas itu boleh dikata umum digunakan oleh pemimpin-pemimpin PAS – yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang yang masih panas

darahnya sehingga mereka tidak memikirkan kesan atau akibat daripada apa yang diucapkan oleh mereka.

Dengan kerana ucapan-ucapan itu maka ucapan itu dijadikan orang modal pula untuk memukul PAS – memomokkan PAS sehingga ada diantaranya menuduh bahawa agama Islam tidak boleh mentadbirkan negara, memomok-momokkan bahawa PAS, apabila berkuasa terus sahaja dengan serta-merta menjalankan hukum al-Qur’ ān – bertindak dengan serta-merta.

Tuduhan-tuduhan ini terbit, tidak lain dan tidak bukan ialah kerana pemimpin-pemimpin PAS itu di dalam ucapan-ucapannya terus-menerus menghentam, membujur lalu, melintang patah. Perbuatan-perbuatan ini sebenarnya hanya mendapat sambutan yang sedikit jua tetapi yang banyaknya adalah melarikan diri – berhadapan manis tetapi di dalam hatinya takut – takut kerana yang berkata-kata itu lingkungan ustaz-ustaz dan guru-guru agama yang disegani mereka.

Kita telah pernah menegur pemimpin-pemimpin PAS yang telah berkata semau-maunya sahaja dengan menggunakan ayat-ayat Tuhan, dan kerana teguran-teguran itu orang menyangka kita membenci atau anti kepada PAS sehingga ada beberapa surat yang dihantarkan kepada kita dengan cara yang biadab daripada mereka yang mengatakan dirinya pengikut PAS yang masih belum memandang jauh ke hadapan apa ertinya perjuangan.

Kita berharap segala kesalahan itu dikaji semula dan dihalusi: Sesat jalan berbalik ke pangkal, ialah sebaik-baik perbuatan yang dilakukan oleh umat Islam.

Serulah dan sedarkanlah dahulu umat Islam terhadap kepada kewajipannya kepada agamanya. Insafkan mereka kepada apa ertinya beragama dan apa tanggungan

seseorang yang mengucap kalimah tauhid terhadap agamanya. Hidupkan di dalam jiwa mereka jiwa tauhid dan sesudah itu tunjukkan apa kewajipan dan tanggungjawabnya terhadap kepadanya. Terangkan kepada mereka apa ertinya beragama dengan cara yang halus dan lembut serta kasih sayang dan dengan cara yang munasabah sekira-kira diterima oleh akal pendengar-pendengarnya.

Perkara melanggar dasar-dasar Islam, kalau dikeluarkan adalah menyakiti semua orang-orang Islam bahkan seolah-olah mencabar hukum-hukum yang telah ditentukan Tuhan.

Baharu-baharu ini Tuan Haji Ahmad Maliki, seorang yang telah disebut sebagai ulama di Paroi, dari pihak Perikatan tatkala membidas PAS mengatakan bahawa sekiranya PAS memerintah dengan kitab Allah dan sunnah maka hukum-hukum potong tangan dan hukum-hukum rejam akan dijalankan. Jika hukum ini dijalankan orang-orang Melayu akan banyak yang kena rejam hingga mati dan tangannya menjadi kudung menjadikan orang Melayu berkurangan.

Dengan perkataan yang maksudnya seperti di atas ini maka bolehlah dipandang bahawa Tuan Haji ini telah mencabar hukum-hukum Tuhan – dan daripada kata-katanya itu seolah-olah tidak reda kepada hukum yang diturunkan oleh Tuhan. Ia seolah-olah berkata sebagai seorang yang jahil, yang memudah-mudahkan hukum Tuhan bahawa hukum potong tangan dan rejam itu aniaya dan bengis. Ia rupanya tidak sedikit pun menyelidik bagaimana pelaksanaan sesuatu hukuman itu boleh dijalankan. Apakah yang demikian ini dilupakan?

Kalau sekiranya Tuan Haji ini mencabar kesucian hukum yang dibuat oleh Allah yang menjadikan sekalian alam maka kita berharap dan meminta supaya ia bertaubat kepada Allah! Insaflah.

Kita orang-orang yang di luar daripada parti-parti, orang-orang yang berkecuali, tidak sedikit pun memperdulikan<sup>3</sup> apa yang dikata atau yang dikeluarkan oleh mereka itu di dalam bidas-membidas tetapi orang-orang di luar tidak gemar sekali-kali di dalam masa berebut-rebut kedudukan dan kerusi-kerusi hukuman agama Islam yang diturunkan oleh Allah dipersenda atau dipermainkan – dicerca dan dimaki, dihinakan! Perkara ini patut dipandang berat dan diperhatikan dengan saksama.

Orang-orang yang di luar parti cukup sedar dan mengetahui bahawa hukum-hukum al-Kitāb dan al-Sunnah tidak dapat dijalankan dengan serentak oleh mana-mana orang Islam atau parti Islam pun di negeri ini tetapi mereka yakin kalau mau menjalankan hukum-hukum Tuhan maka hendaklah dijalankan setapak demi setapak seperti yang diajar oleh Nabi Muḥammad (SAW) di dalam melaksanakan tujuan Islam dalam permulaan Islam dahulu. Kesedaran mesti ditanam lebih dahulu. Tetapi – sungguhpun mereka mengetahui ini tidaklah bermakna mereka lupa kepada tanggungjawab umat Islam dalam menegakkan kalimah Tuhan dan sebab itulah mereka memerhati sahaja dari luar dahulu ke mana hala mereka akan dibawa – benarkah ke Islam atau kepada kebangsaan ataupun kepada menjahanamkan keselamatan mereka sehingga apabila telah nyata maka diharap nanti akan keluar pemimpin-pemimpin baharu tampil ke hadapan menggantikan tempat yang telah kosong atau tak dapat diisi oleh orang-orang yang berjuang sekarang.

Perkara yang disebut ini wajib diperhatikan oleh kedua pihak yang berlawan yang merebut kekuasaan di dalam pemerintahan. Janganlah mereka hendaknya celupar dan cuba menyentuh dasar-dasar Islam yang boleh menjadi sebab suatu kebangkitan Islam yang tak boleh dikawal akan timbul kelak.

<sup>3</sup> Kesalahan teks. Sepatutnya mempedulikan.